

Pelaksanaan Kemahiran Menulis dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor

Ahmad Ismail¹, Mohamad Syukri Abd Rahman²,

Mohd Izzuddin Mohd Piso³, Adnan Mat Ali⁴ & Mohd Kamal Radiman⁵

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor¹²³⁴

Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor⁵

ahmad@kuis.edu.my, msyukri@kuis.edu.my mohdizzuddin@kuis.edu.my, adnan@kuis.edu.my

kamalrudy@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian ini akan dijalankan bertujuan mengenalpasti kaedah kemahiran menulis dalam pengajaran dalam kurikulum bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama Integrasi di seluruh negeri Selangor. Data yang terkumpul adalah hasil edaran borang soal selidik secara rawak mudah kepada guru yang mengajar bahasa Arab seramai 56 orang responden. Persepsi guru bahasa Arab terhadap pelaksanaan kemahiran mendengar dalam pengajaran bahasa Arab secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai purata min keseluruhan ($\text{min}=3.469$, $\text{sp}=0.605$). Dapatkan kajian mencadangkan agar guru bahasa Arab diharapkan dapat mempertingkatkan kemahiran menulis ayat menurut kaedah tatabahasa bahasa Arab, menulis ayat berdasarkan tanda bacaan yang betul, meminta murid menulis ('imla') berdasarkan sebutan guru, latihan mengisi di tempat kosong dalam ayat sama ada perkataan yang disediakan ataupun sebaliknya, meminta murid menulis ayat bahasa Arab berdasarkan lukisan atau gambar, meminta murid menterjemah ayat dalam bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab, membimbing murid menulis ayat bahasa Arab berdasarkan perkataan yang diberikan atau tajuk yang dipilih sendiri oleh murid. Diharapkan kajian ini dapat menjadi panduan kepada guru dalam meningkatkan kemahiran menulis dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah.

Kata Kunci: *Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI), Kemahiran Mendengar, Bahasa Arab.*

ABSTRACT

This study is conducted in order to identify writing skill method in teaching in Arabic language curriculum in Sekolah Rendah Agama Integrasi in Selangor. Data is collected by distributing questionnaires to 56 respondents whom are teachers teaching Arabic language. The perception of Arabic language teachers towards the implementation of listening skill in the teaching of Arabic language can be summed up to be at moderate high with the average mean value (mean=3.469, sd=0.605). Findings of this study suggests that teachers of Arabic language would increase their skills in writing sentences in accordance to Arabic language grammar method, write sentences according to the correct punctuation, asks students to write ('imla') based on teachers' pronunciation, fill-in-the-blanks in sentences exercises (either answer options are provided or otherwise), asks students to write sentences in Arabic language based in drawings or pictures, asks students to translate sentences in Malay language to Arabic language, guide students to write Arabic language sentences based on given words or based on topics chosen by students themselves. It is hoped that this study becomes guidance to teacher in increasing their writing skill in the teaching of Arabic language in school.

Keywords: *Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI), Listening Skill, Arabic Language.*

PENGENALAN

Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) mula dilaksanakan pada tahun 2000 melalui proses projek rintis di 10 buah sekolah. Pengubahsuaian ini selaras dengan hasrat kerajaan negeri

Selangor untuk meningkatkan kualiti Pendidikan Islam berdasarkan resolusi Tonggak ke 10 YAB Menteri Besar Selangor dalam meningkatkan penghayatan, kefahaman Islam dan moral melalui pendidikan bersepadu serta menyeluruh dalam kalangan murid di peringkat pendidikan rendah. Sehingga tahun 2010, 11 buah SRAI telah beroperasi di 8 buah daerah. Pentadbiran dan pengurusan SRAI adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Perlaksanaan kurikulum SRAI adalah menggabungkan Kurikulum Sekolah Rendah Agama (KSRA) dibawah JAIS. Manakala, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR)/Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Perjalanan waktu pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada sesi persekolahan iaitu 2 jenis sesi persekolahan (1 sesi persekolahan atau 2 sesi persekolahan). Kajian ini memfokuskan kepada guru yang mengajar bahasa Arab dan murid tahun 6 yang telah mengikuti kurikulum bahasa Arab SRAI.

KEMAHIRAN MENULIS BAHASA ARAB DI SEKOLAH

Menurut Ku Fatahiyah et. al. 2014 berpandangan bahawa kemahiran menulis mempunyai perkaitan antara pergerakan mata, pergerakan tangan dan kepintaran otak. Disamping itu, aspek tulisan juga terbahagi kepada dua bahagian iaitu tulisan mekanis dan tulisan kreatif. Tulisan mekanis merupakan tulisan berbentuk peniruan, manakala tulisan kreatif memerlukan idea daripada penulis.

Menurut Salleh Abdul Majid al-Arabi (1981) menyatakan beberapa perkara utama yang perlu diberikan perhatian dalam kemahiran menulis iaitu memulakan penulisan dari kanan ke kiri, menulis huruf Arab, menulis perkataan dengan ejaan yang betul, membentuk susunan ayat yang betul dan dapat difahami oleh pembaca. Ann Raimes (1983) telah mengemukakan tiga fungsi kemahiran menulis iaitu merangsang dan memahirkan tatabahasa, idea, perbendaharaan kata dan perasaan, memberi peluang kepada pelajar untuk menerokai bidang bahasa, memperluaskan pengatahan, melahirkan idea, dan menggunakan seluruh anggota mekanis (mata, tangan, akal dan lain-lain) untuk merangsang pembelajaran.

Mohd. Shahrizal Nasir et. al. (2014) berpendapat bahawa kemahiran menulis merupakan salah satu daripada empat kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai. Pembentukan suasana belajar yang melibatkan penggunaan panca indera insan dalam situasi tertentu di luar ruang kelas memberi banyak manfaat kepada murid terutama dalam proses mendapatkan perbendaharaan kata. Perbendaharaan kata dapat membantu murid dalam meningkatkan tahap penguasaan kemahiran berbahasa terutama kemahiran menulis. Program Jawlah Lughawiyyah merupakan satu medium alternatif kepada para pendidik Program ini dilihat mampu untuk meningkatkan tahap kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur jati. Pemerolehan kosa kata baru sepanjang mengikuti program Jawlah Lughawiyyah telah dimanfaatkan sebaiknya oleh pelajar dalam penulisan karangan mereka. Aktiviti yang terkandung dalam program Jawlah Lughawiyyah seperti pemerhatian menggunakan panca indera, perbincangan dalam kumpulan, perkongsian maklumat bersama rakan, pembentangan hasil pemerhatian dan penulisan karangan merupakan komponen yang saling melengkapi dalam pemerolehan perbendaharaan kata baru yang boleh dimanfaatkan dalam meningkatkan tahap kemahiran menulis bagi para pelajar.

PENYATAAN MASALAH

Guru memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Keberkesanan tersebut berkait rapat dengan keupayaan guru dalam memilih

strategi dan kaedah pengajaran yang sesuai digunakan. Justeru, aspek pendekatan dan kaedah pengajaran guru bahasa Arab perlu disesuaikan dengan keperluan murid dalam kemahiran berbahasa. Al-Muslim Mustapa & Zamri Arifin (2012) mendapati bahawa amalan pengajaran guru bahasa Arab berada pada tahap yang sederhana dan tidak mempengaruhi pencapaian pelajar. Hal ini disebabkan oleh penguasaan guru yang rendah terhadap kemahiran bahasa Arab (Noor Shamshinar et. al. (2014).

Dari sudut yang lain, pembelajaran bahasa Arab bukan hanya tertumpu kepada aktiviti menghafal tatabahasa dan perkataan sahaja. Guru hendaklah menyediakan peluang kepada murid untuk berinteraksi dalam bahasa Arab. Menurut Ab Halim et. al. (2013), mendapati bahawa kaedah berdialog, mendengar bacaan guru tanpa melihat teks dan melakonkan semula menunjukkan penggunaan yang sederhana. Selain itu, minat murid terhadap pembelajaran bahasa Arab perlu dipupuk kerana kegagalan murid dalam menguasai bahasa Arab amat berkait rapat dengan minat. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Shah Ujang (2006) yang menyatakan bahawa minat murid terhadap mata pelajaran bahasa Arab berada pada tahap sederhana.

OBJEKTIF KAJIAN

Mengenal pasti pelaksanaan kemahiran menulis yang kerap digunakan oleh guru dalam pengajaran Bahasa Arab.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dapat memberi peluang kepada guru-guru Bahasa Arab dalam meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Arab. Dapatkan kajian dapat memberi idea kepada pihak sekolah untuk membantu guru Bahasa Arab dengan lebih berkesan. Memberikan panduan kepada pihak yang berkenaan dalam menyediakan latihan kemahiran mengajar dalam yang bahasa Arab. Dapatkan kajian juga dapat memberi panduan kepada pihak berkaitan dalam menyediakan guru Bahasa Arab yang berkualiti untuk SRAI di seluruh Selangor.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan proses pengumpulan data menggunakan persampelan rawak mudah berdasarkan kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970). Menurut Mohd Majid (2005), persampelan rawak mudah menghendaki setiap individu mempunyai peluang yang sama untuk diambil atau digunakan sebagai sampel. Selain itu, persampelan rawak mudah sesuai dilakukan sekiranya populasi yang dikaji mempunyai ciri-ciri yang seragam. Sekolah yang terlibat adalah sekolah sekitar Sekolah Rendah Agama Integrasi di Selangor yang mempunyai 11 buah sekolah. Responden kajian ini adalah guru Pendidikan Islam iaitu guru bukan opsyen dalam mengajar bahasa Arab. Jumlah responden yang diambil adalah seramai 56 orang sahaja. Hal ini, berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970), jumlah responden yang perlu diambil bagi populasi 65 orang adalah seramai 56 orang saiz sampel.

DEMOGRAFI RESPONDEN

LATAR BELAKANG	KATEGORI	KEKERAPAN	PERATUSAN %
Jantina	Lelaki	14	25.0
	Perempuan	42	75.0
	Jumlah	56	100.0

Jadual 1, di atas adalah taburan latar belakang responden dalam kalangan guru. Kajian ini melibatkan 56 orang responden dalam kalangan guru bahasa Arab yang mengajar di sekolah-sekolah agama SRAI. Daripada jumlah ini seramai 14 guru (25.0%) adalah lelaki dan seramai 42 guru (75.0%) pula adalah perempuan.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan jadual 3.10, dapatan skor min bagi kemahiran menulis berada di antara 3.05 hingga 3.82. Nilai min keseluruhan kemahiran menulis berada pada 3.47. Dapatan kajian menunjukkan tiada nilai min yang berada pada tahap sederhana rendah dan rendah.

Jadual 2: Persepsi Guru Terhadap Pengajaran Kemahiran Menulis

Bil	Penyataan	TP	JJ	KK	K	SK	Min	INT
Bs1	Saya mengajar murid menyalin huruf mengikut kaedah penulisan yang betul	--	5 8.9%	14 25.0%	29 51.8%	8 14.3%	3.71 2	ST
Bs2	Saya mengajar murid menyalin perkataan bahasa Arab mengikut ejaan yang betul	--	3 5.4%	15 26.8%	27 48.2%	11 19.6%	3.82 1	ST
Bs3	Saya mengajar murid menulis ayat menurut kaedah tatabahasa bahasa Arab	3 5.4%	3 5.4%	19 33.9%	22 39.3%	9 16.1%	3.55	ST
Bs4	Saya mengajar murid menulis ayat menurut tanda bacaan yang betul	1 1.8%	2 3.6%	23 41.1%	23 41.1%	7 12.5%	3.59	ST
Bs5	Saya latih murid menulis ayat bahasa Arab bermula dengan paling mudah, sukar dan paling sukar	1 1.8%	4 7.1%	18 32.1%	24 42.9%	9 16.1%	3.64 3	ST
Bs6	Saya memerdengarkan sebutan perkataan bahasa Arab dan murid menulis ('imla') tanpa melihat buku	1 1.8%	3 5.4%	24 42.9%	20 35.7%	8 14.3%	3.55	ST
Bs7	Saya memerdengarkan ayat bahasa Arab dan murid menulis ('imla') tanpa melihat buku	1 1.8%	5 8.9%	24 42.9%	19 33.9%	7 12.5%	3.64 3	ST
Bs8	Saya meminta murid mengisi perkataan bahasa Arab yang diberikan di tempat kosong dalam ayat	1 1.8%	2 3.6%	24 42.9%	24 42.9%	5 8.9%	3.54	ST
Bs9	Saya meminta murid mengisi perkataan bahasa Arab sendiri di tempat kosong dalam ayat	2 3.6%	7 12.5%	25 44.6%	18 32.1%	4 7.1%	3.27	ST
Bs10	Saya meminta murid menulis ayat bahasa Arab berdasarkan lukisan atau gambar	2 3.6%	10 17.9%	21 37.5%	21 37.5%	2 3.6%	3.20	ST
Bs11	Saya meminta murid menterjemah ayat dalam bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab secara bertulis	2 3.6%	8 14.3%	20 35.7%	23 41.1%	3 5.4%	3.30	ST
Bs12	Saya membimbing murid menulis ayat-ayat bahasa Arab menggunakan perkataan yang disediakan	--	3 5.4%	21 37.5%	27 48.2%	5 8.9%	3.61 4	ST
Bs13	Saya meminta murid menulis ayat dalam bahasa Arab berdasarkan tajuk yang diberikan	2 3.6%	6 10.7%	26 46.4%	19 33.9%	3 5.4%	3.27	ST
Bs14	Saya meminta murid menulis ayat bahasa Arab berdasarkan tajuk yang dipilih sendiri	5 8.9%	11 19.6%	19 33.9%	18 32.1%	3 5.4%	3.05	ST
Min Keseluruhan Persepsi Pengajaran Kemahiran Menulis GBA						3.47	ST	

Dapatan kajian menunjukkan item Bs 2 “Saya mengajar murid menyalin perkataan bahasa Arab mengikut ejaan yang betul” mencapai nilai min yang tertinggi di antara item kemahiran menulis. Dapatan ini menunjukkan bahawa 67.8 % guru mengajar murid menyalin perkataan bahasa Arab mendapat min berada pada nilai 3.82. Begitu juga pada item Bs1 “Saya mengajar murid menyalin **huruf** mengikut kaedah penulisan yang betul” berada pada nilai min=3.71. Dapatan ini menunjukkan bahawa 66.1 % guru mengajar murid menjalin huruf. Seterusnya, item Bs5 “Saya melatih murid menulis **ayat** bahasa Arab bermula dengan paling mudah, sukar dan paling sukar” dan item Bs7 “Saya memperdengarkan **ayat** bahasa Arab dan murid menulis (imla’) tanpa melihat buku berada pada nilai min=3.64. Dapatan ini menunjukkan bahawa 59 % guru melatih murid menulis ayat bahasa Arab bermula daripada paling mudah dan meminta murid menulis ayat tanpa panduan buku.

Manakala item Bs6 “Saya memperdengarkan sebutan perkataan bahasa Arab dan murid menulis (imla’) tanpa melihat buku” berada pada nilai min=3.55. Dapatan ini menunjukkan 59 % daripada kalangan guru menyebut perkataan bahasa Arab dan murid menulis tanpa melihat buku. item BS3 “Saya mengajar murid menulis ayat menurut kaedah tatabahasa bahasa Arab berada pada nilai min=3.55 menunjukkan 55.4% daripada kalangan guru mengajarkan murid menulis berdasarkan tatabahasa yang betul.

Item Bs11 “Saya meminta murid menterjemah ayat dalam bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab secara bertulis berada pada nilai min=3.30. Dapatan ini menunjukkan bahawa 46.5 % guru melakukan aktiviti tersebut. Selain itu, item Bs9 “Saya meminta murid mengisi perkataan bahasa Arab yang diberikan di tempat kosong dalam ayat dan item Bs13 “Saya meminta murid menulis ayat dalam bahasa Arab berdasarkan tajuk yang diberikan” berada pada nilai min=3.27. Dapatan item tersebut menunjukkan bahawa hanya 39.3% daripada kalangan guru menyediakan latihan isi tempat kosong dan menulis ayat dalam bahasa Arab.

Manakala nilai min bagi item Bs 14 “Saya meminta murid menulis ayat bahasa Arab berdasarkan tajuk yang dipilih sendiri” mencapai nilai min yang terendah di antara item kemahiran menulis. Nilai min bagi item Bs 14 berada pada tahap sederhana rendah iaitu 3.05. Dapatan ini menunjukkan bahawa hanya 37.5% guru yang meminta murid menulis ayat bahasa Arab berdasarkan tajuk yang dipilih sendiri.

PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian, dapat dirumuskan bahawa guru bahasa Arab kurang menekankan kemahiran menulis ayat menurut kaedah tatabahasa bahasa Arab, menulis ayat berdasarkan tanda bacaan yang betul, meminta murid menulis (imla’) berdasarkan sebutan guru.

Selain itu, guru juga kurang menekankan latihan mengisi di tempat kosong dalam ayat sama ada perkataan disediakan ataupun sebaliknya, meminta murid menulis ayat bahasa Arab berdasarkan lukisan atau gambar, meminta murid menterjemah ayat dalam bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab, membimbing murid menulis ayat bahasa Arab berdasarkan perkataan yang diberikan atau tajuk yang dipilih sendiri oleh murid.

Manakala, Wan Azura (2007) menyatakan bahawa kemahiran menulis merupakan kemahiran yang terakhir dalam mempelajari bahasa asing. Ini kerana ia memerlukan kemantapan dalam menggaya ayat yang boleh menggambarkan buah fikiran, perasaan dan sebagainya yang terdapat dalam pemikiran (Rosni, 2009). Menguasai kemahiran menulis dapat

menjadikan murid lebih yakin untuk menguasai bahasa Arab. Hal ini adalah kerana penulisan yang baik adalah hasil daripada penguasaan yang baik dalam kemahiran membaca. Melalui pembacaan yang luas, pelbagai gaya bahasa dan struktur ayat yang pelbagai dapat dikuasai.

Menurut Salleh Abdul Majid al-Arabi (1981), terdapat beberapa perkara utama yang perlu diberikan perhatian dalam kemahiran menulis seperti:

1. Memulakan penulisan dari kanan ke kiri
2. Menulis huruf Arab
3. Menulis perkataan dengan ejaan yang betul
4. Membentuk susunan ayat yang betul dan dapat difahami oleh pembaca.

Antara objektif kemahiran menulis menurut Muhammad Kamil al-Naqah (1985) :

1. Menulis huruf Arab dan mengetahui hubungan antara baris huruf dengan bunyi sebutan.
2. Menulis perkataan Arab dengan huruf bercerai dan huruf bersambung serta dapat membezakan baris huruf pada awal perkataan, pertengahan dan akhir.
3. Memperkemaskan cara menulis dengan tulisan yang jelas dan betul.
4. Memperkemaskan tulisan dengan tulisan khat nasakh dan raqa'ah.
5. Membaiki penulisan bermula dari kanan ke kiri.
6. Mengetahui tanda-tanda penulisan dan maksud penggunaannya.
7. Mengetahui prinsip tulisan dan mengetahui perbezaan antara sebutan dengan penulisan seperti tanwin, hamzah dan ta'.
8. Menterjemahkan idea dalam bentuk ayat dengan menggunakan sususan ayat yang betul.
9. Menterjemahkan idea dalam bentuk ayat yang betul menggunakan perkataan yang betul dalam konteks ayat.
10. Menterjemahkan idea dalam bentuk ayat yang betul mengikut kaedah nahu.
11. Menggunakan gaya bahasa yang sesuai bagi tema yang diungkapkan.
12. Menulis dengan pantas bagi menggambarkan idea dalam bentuk ayat yang mudah.

Ann Raimes (1983) telah mengemukakan tiga fungsi kemahiran menulis iaitu :

1. Merangsang dan memahirkan tatabahasa, idea, perbendaharaan kata dan perasaan.
2. Memberi peluang kepada pelajar untuk menerokai bidang bahasa.
3. Memperluaskan pengalaman, melahirkan idea, dan menggunakan seluruh anggota mekanis (mata, tangan, akal dan lain-lain) untuk merangsang pembelajaran.

Peranan guru amat penting dalam membimbing murid-murid untuk menguasai kemahiran menulis. Kegiatan pembelajaran yang sesuai dijalankan oleh guru untuk meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar ialah:

1. Latihan imlak (Dictation) di mana pelajar dikehendaki menyalin dengan betul ayat atau perenggan yang dipilih.
2. Latihan menyempurnakan ayat atau urutan ayat dengan perkataan/frasa yang paling sesuai dan tepat.
3. Latihan menyusun semula bahagian-bahagian ayat supaya menjadi ayat yang betul tatabahasanya.
4. Latihan mengatur semula sebilangan ayat supaya menjadi satu perenggan yang tersusun dan logik.
5. Penulisan karangan bergambar sama ada berdasarkan sebuah gambar atau satu gambar bersiri.

6. Penulisan surat biasa kepada ahli keluarga dan sahabat.
7. Penulisan surat biasa kepada guru, jabatan kerajaan, dan syarikat untuk pelbagai tujuan.
8. Penulisan notis, ucapan, mesej, kad jemputan, dan sebagainya.
9. Latihan mengenal pasti dan membetulkan kesalahan (termasuk perbendaharaan kata, ejaan, tanda bacaan, imbuhan) dalam sebuah karangan.
10. Menulis rangka karangan yang tajuknya telah diberi.
11. Menulis karangan berformat (laporan, perbahasan, syarahan, ceramah, dan sebagainya) berdasarkan tugas yang diberi.
12. Menilai suatu karangan dari segi kekuatan dan kelemahannya.
13. Mengenal teknik-teknik untuk menghasilkan sebuah karangan yang baik termasuk teknik membuat pendahuluan, huraian dan kesimpulan.
14. Membuat rumusan daripada pelbagai bahan prosa.
15. Menterjemahkan petikan daripada bahasa tertentu ke bahasa Malaysia tanpa menjelaskan makna asalnya.

Mohd. Shahrizal Nasir et. al. (2014) berpandangan bahawa kemahiran menulis merupakan salah satu daripada empat kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai dalam proses pembelajaran bahasa. Disamping itu, aktiviti PdP di dalam kelas, aktiviti bahasa di luar kelas yang dijalankan secara berstruktur mampu memberi motivasi kepada murid dalam proses pembelajaran bahasa. Pembentukan suasana belajar yang melibatkan penggunaan panca indera insan dalam situasi tertentu di luar ruang kelas memberi banyak manfaat kepada murid terutama dalam proses pemerolehan perbendaharaan kata. Dengan perbendaharaan kata yang mencukupi, ia dapat membantu murid dalam meningkatkan tahap penguasaan kemahiran berbahasa terutama kemahiran menulis.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian, penyelidik mencadangkan agar guru bahasa Arab mempertingkatkan lagi kemahiran menulis ayat menurut kaedah tatabahasa bahasa Arab, menulis ayat berdasarkan tanda bacaan yang betul, meminta murid menulis ('imla') berdasarkan sebutan guru, latihan mengisi di tempat kosong dalam ayat sama ada perkataan yang disediakan ataupun sebaliknya, meminta murid menulis ayat bahasa Arab berdasarkan lukisan atau gambar, meminta murid menterjemah ayat dalam bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab, membimbing murid menulis ayat bahasa Arab berdasarkan perkataan yang diberikan atau tajuk yang dipilih sendiri oleh murid.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani, Rosli Mokhtar, Zetty Nurzuliana Rashed, Mohd Asmadi Mustakim & Zetty Nurakmal Azura bt. Rashed. 2013. *Penilaian Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kurikulum Pendidikan Islam Bahagian Pendidikan Islam (JAIS) Di sekolah Rendah Agama Negeri Selangor*. Jurnal Pusat Pengurusan dan Penyelidikan. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 1- 35.
- Azman & Goh 2010. *Situasi Pembelajaran Bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan Antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Perancis*. AJTLHE Vol. 2, No. 2, July 2010, 9-20.
- Asni Tahir & Siti Hasnah Tanalol. 2004. Belajar Bahasa Kadazan Dusun: *Pendekatan Pembelajaran Hypermedia*. Prosiding Program Seminar Kebangsaan Pengajaran Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu. 8 – 9 Oktober 2004.

- Ann Raimes. 1983. *Techniques in Teaching Writing*. New York Oxford, 1983.
- Rosni Samah. (2009). *Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Penutur Jati*. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.
- Wan Azura Wan Ahmad. (2007). *Pendekatan Dan Strategi Efektif Dalam Penggunaan Bahasa Arab*. USIM.
- Hamid Norni Hamid, Aishah Hasman, Zaharah Hussin, Kamarulzaman Abd.Ghani. 2010. *Pendekatan Komunikatif Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia: Pelaksanaan Dan Cabaran*. Prosiding 1st International Conference On Islamic Education. 29 th November – 1 Disember 2016. Holiday Villa Hotel & Suites, Subang, Selangor, Persatuan Intelektual Muslim Malaysia.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Awatif Abd Rahman, Hairun Najuwah Jamali. 2014. *Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab di IPT Malaysia* GSE E-Journal of Education E-ISSN: 2289-6880 Vol 1 No 2 2014. 20 -32.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 596-608
- Mohd. Shahrizal Nasir et. al. (2014) Mohd Shahrizal Nasir, Muhammad Sabri Sahrir, Mohd Firdaus Yahaya, *Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi Rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio: Satu Tinjauan*. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014. Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA.
- Salleh Abdul Majid al-Arabi. 1981. *Ta'alumil Lughaatul Haiyyah wa Ta'alimuha*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Muhammad Kamil al-Naqah (1985) Al Naqah, Mahmud Kamil, 1985, *Ta'lim al Lughah al Arabiyyah Linnatiqina Biha*, Universiti Ummul Qura. Saudi.